جابتن اݢام إسلام سراوق
Jabatan Agama Islam Sarawak
Aras 14, Majma' Tuanku Abdul Halim
Mu'adzam Shah (Kompleks Islam Sarawak),
Jalan P.Ramlee 93400 Kuching, Sarawak.

*Tel:* 082-507077 / 507707
*Faks:* 082-507241 / 507089 / 507085

**Rujukan kami** : JAIS/KIM/PMS700-2/5/20 ( )
**Tarikh** : 20 April 2022

**SEMUA PENGERUSI JAWATANKUASA PENGURUSAN MASJID DAN SURAU**
**SELURUH NEGERI SARAWAK**

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

**PELAPORAN KUTIPAN SADAK JUMAAT DAN HARI RAYA**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Berdasarkan pemantauan Pelaporan Kutipan Sadak Jumaat/Hari Raya di dalam sistem e-Masjid (kiswa.sarawak.gov.my) terdapat masih banyak masjid dan surau yang belum menghatar laporan sadak kepada Jabatan sebagaimana arahan pada **Pekeliling Hal Ehwal Masjid Bil 1/2020 : Pelaporan Kutipan Sadak Jumaat dan Hari Raya JAIS/KIM/PMS/700-2/1/3(1) bertarikh 12 Ogos 2020.**

3. Sehubungan itu, mohon kerjasama semua Jawatankuasa Pengurusan Masjid/ Surau untuk mematuhi dan melaksanakan segera sebagaimana yang dinyatakan di dalam pekeliling tersebut. Bersama ini dikepilkan salinan pekeliling untuk rujukan dan tindakan pihak YBhg. Datuk/Tuan/Puan selanjutnya.

4. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Datuk/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan berbanyak terima kasih

Sekian, harap maklum.

**"ISLAM AMALAN HIDUP "**
**"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"**
***"AN HONOUR TO SERVE"***

**(SYED HAROLD SALLEH BIN WAN MOHAMMAD)**
b.p. Pengarah
Jabatan Agama Islam Sarawak

Semua PAIB : Mohon panjangkan arahan ini kepada semua JKP di Bahagian masing-masing

QUALITY SYSTEM SIRIM
CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO : QMS 03111

**MAJLIS ISLAM SARAWAK**
ARAS 16 & 17,
MAJMA' TUANKU ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH,
JALAN P.RAMLEE,
93400 KUCHING, SARAWAK.

Emel : mis50@sarawak.gov.my
Laman Web : www.mis.sarawak.gov.my

**PEJABAT YANG DIPERTUA**
TEL :082-507214 FAKS :082-507240

**PEJABAT SETIAUSAHA**
TEL :082-507215 FAKS :082-507241

**TALIAN AM**
TEL :082-507251/507250 FAKS:082-507254

*Rujukan Kami: JAIS/KIM/PMS/700-2/1/3 (1)*
*Tarikh :12 Ogos 2020*

**SEMUA PENGERUSI JAWATANKUASA PENGURUSAN MASJID DAN SURAU SELURUH NEGERI SARAWAK**

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*

Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan,

**PEKELILING HAL EHWAL MASJID BIL 1/2020 : PELAPORAN KUTIPAN SADAK JUMAAT DAN HARI RAYA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Hal Ehwal Masjid Dan Tanah Perkuburan - Majlis Islam Sarawak Kali Ke-39 Bil. 4/2020 bertarikh 17 Julai 2020 telah memutuskan supaya semua Jawatankuasa Pengurusan Masjid dan Surau seluruh Negeri Sarawak untuk mengemukakan Laporan Kutipan Sadak Jumaat Dan Hari Raya kepada Majlis Islam Sarawak pada setiap 10 hari bulan berikutnya setelah kutipan dibuat.

3. Sehubungan itu, semua Jawatankuasa Pengurusan Masjid dan Surau adalah diarahkan untuk melaksanakan tindakan-tindakan berikut :-

a) Mengisi maklumat kutipan menggunakan **Borang Pengesahan Kutipan Sadak Jumaat/Hari Raya** (JAIS-PK-BKIM-03/01) setiap kali selepas proses pengiraan kutipan dibuat;
b) Pastikan borang ditandatangani;
c) Mengimbas (scan) borang dalam format pdf atau imej (jpeg/png);dan
d) Mengemukakan laporan kutipan secara dalam talian melalui ***kiswa.sarawak.gov.my*** di bawah Modul Pelaporan Kutipan Sadak Jumaat/Hari Raya.

4. Arahan ini hendaklah **berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2020**.

5. Atas perhatian dan kerjasama pihak Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan dalam hal ini, kami merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih.

Sekian.

**"PEMACU KECEMERLANGAN UMMAH"**
**"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"**
***"AN HONOUR TO SERVE"***

**(HAJI KHALIDI BIN HAJI IBRAHIM)**
Setiausaha
Majlis Islam Sarawak